

Bolt Operations OÜ (Nombor Pendaftaran Syarikat 12417834) yang terletak di Vana-Lõuna tn 15, Tallinn 10134, Republik Estonia, ialah pengawal data peribadi pemandu dan telah melantik seorang Pegawai Perlindungan Data (privacy@bolt.eu).

Notis privasi ini untuk pemandu memberikan maklumat tentang bagaimana Bolt Operations OÜ (selepas ini “Bolt”, “kami”) memproses data peribadi individu yang menyediakan perkhidmatan pengangkutan melalui platform Bolt, iaitu pemandu. Notis privasi ini menerangkan jenis data yang kami proses dan sebab kami melakukannya, bagaimana kami menjaga keselamatan data peribadi, serta pilihan dan kawalan yang tersedia untuk subjek data (selepas ini dirujuk sebagai “anda”). Anda juga boleh mendapatkan maklumat tentang hak privasi anda dalam notis privasi. Untuk senarai penuh pengawal data, sila lawati: [Bolt Group Companies and Controllers lists](#)

Jika anda seorang pemandu di platform Bolt, sila baca notis privasi ini kerana ia mengandungi maklumat penting tentang pemprosesan data peribadi anda serta maklumat tentang keperluan kami apabila anda memproses data peribadi penumpang.

Sila ambil perhatian bahawa aktiviti pemprosesan data peribadi kami mungkin tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berbeza di tempat kami beroperasi. Ini bermakna kami terlibat dalam aktiviti pemprosesan data peribadi yang diterangkan dalam Notis ini di negara tertentu hanya jika dibenarkan di bawah undang-undang negara tersebut. Untuk maklumat lanjut tentang pendedahan bidang kuasa dan perbezaan yang mungkin terpakai kepada anda, sila rujuk Bahagian 8 ‘*Pendedahan Bidang Kuasa*’ di bawah.

Sila ambil perhatian bahawa laman web dan aplikasi kami mungkin mengandungi pautan ke laman web pihak ketiga yang lain. Jika anda mengikuti pautan mana-mana laman web pihak ketiga tersebut, sila ambil maklum bahawa mereka mempunyai dasar privasi mereka sendiri dan kami tidak bertanggungjawab atas dasar-dasar atau pemprosesan data peribadi anda oleh mereka. Sila semak dasar-dasar ini sebelum anda menyerahkan sebarang data peribadi ke laman web pihak ketiga tersebut.

1. Data peribadi yang kami proses

Kami mungkin memproses kategori data peribadi pemandu yang berbeza. Kategori data adalah seperti berikut:

- **Data am** seperti nama, e-mel, nombor telefon, tempat kediaman (data diberikan kepada kami oleh pemandu).
- **Data geolokasi** seperti geolokasi pemandu dan laluan pemanduan (data dikumpul melalui sistem Bolt apabila pemandu menggunakan aplikasi Bolt).
- **Maklumat tentang kenderaan** (termasuk nombor pendaftaran dan status pematuhan) (data diberikan kepada kami oleh pemandu).
- **Data penggunaan** seperti keterlibatan pemandu dan interaksi pemandu di pasaran serta penilaian pemandu (termasuk Skor Pemandu).
- **Data pengenalan/pengesahan** seperti lesen memandu, foto dan dokumen pengenalan diri.
- **Data kesalahan** seperti data tentang sabitan jenayah dan kesalahan, jika dibenarkan di bawah undang-undang dan peraturan tempatan.
- **Rekod komunikasi dan surat-menyurat** seperti: apabila pemandu terlibat dengan sembang dalam aplikasi kami (pilihan “Hantar Mesej”), atau bercakap dengan ejen perkhidmatan pelanggan kami, tarikh dan masa komunikasi serta kandungannya.

- **Maklumat yang diperlukan di bawah undang-undang yang terpakai untuk tujuan percukaian:** seperti nombor pengenalan pembayar cukai, ID VAT, tempat lahir, pengecam akaun kewangan anda, maklumat setiap Negara Anggota di mana anda bermastautin.
- **Kandungan yang dihasilkan oleh pengguna:** seperti rakaman audio yang dijana semasa perjalanan (sebagai sebahagian daripada ciri rakaman audio perjalanan kit alat keselamatan kami, di mana ciri tersebut tersedia - untuk maklumat lanjut, sila lawati <https://bolt.eu/en/blog/audio-trip-recording-feature/>), atau sebarang kandungan lain yang diserahkan seperti gambar, video atau fail berkaitan dengan permintaan sokongan pelanggan.

Selain daripada sumber-sumber yang disebutkan di atas, kami mungkin mengumpul dan menerima data anda daripada sumber-sumber lain, termasuk:

- Rakan kongsi syarikat pengangkutan;
- Penyedia perkhidmatan yang menjalankan pemeriksaan pematuan kenderaan dan pemandu, dan pemeriksaan latar belakang jenayah;
- Penumpang dan pihak ketiga yang memberikan maklumat dan kandungan berkaitan dengan perkhidmatan atau mengenai tuntutan dan pertikaian yang mungkin timbul; dan
- Pengguna yang mengambil bahagian dalam kempen rujukan kami. Dalam hal itu, kami menerima maklumat individu yang dirujuk daripada pengguna berkenaan.

2. Tujuan pemprosesan

Kami memproses data peribadi pemandu untuk tujuan yang berbeza. Tujuan utama adalah seperti berikut:

- Untuk penyediaan perkhidmatan kami, kami mengumpul dan memproses data peribadi untuk menghubungkan penumpang dengan pemandu bagi membantu mereka bergerak di sekitar bandar dengan lebih cepap.
- Untuk penyediaan perkhidmatan kami, geolokasi dan laluan pemanduan diproses untuk menganalisis kawasan geografi dan memberi cadangan kepada pemandu. Jika anda tidak mahu mendedahkan geolokasi anda untuk penumpang, anda mesti menutup aplikasi Bolt atau menunjukkan dalam aplikasi Bolt bahawa anda berada di luar talian dan pada masa ini tidak menyediakan perkhidmatan pengangkutan.
- Lesen memandu, profesion, dokumen pengenalan diri, serta sabitan dan kesalahan jenayah diproses untuk menentukan pematuan dengan keperluan undang-undang dan kesesuaian untuk menjalankan profesion sebagai pemandu.
- Untuk penyediaan perkhidmatan kami, aplikasi Bolt memaparkan foto, nama dan butiran kenderaan pemandu untuk membolehkan penumpang mengenal pasti pemandu dan kenderaan.
- Anda akan menerima ringkasan daripada Portal Pemandu Bolt, yang akan merangkumi kecekapan dan penilaian anda sebagai pemandu. Ringkasan dan penilaian tentang pemandu adalah perlu untuk menyediakan perkhidmatan yang boleh dipercayai untuk penumpang.
- Data peribadi berkaitan dengan mesej segera secara langsung dalam aplikasi Bolt diproses untuk menyediakan perkhidmatan dan sokongan pelanggan (termasuk menyelesaikan pertikaian antara pemandu dan penumpang), untuk tujuan keselamatan serta untuk menambah baik produk dan perkhidmatan kami, dan untuk analisis.
- Kami mengumpul dan menggunakan maklumat mengenai penglibatan dan interaksi pemandu dalam pasaran, serta penilaian mereka (termasuk Skor Pemandu) untuk menggalakkan keselamatan pengguna, memastikan pemandu mematuhi Syarat Pemandu, dan memastikan kami menyediakan perkhidmatan yang berkualiti dan

menyenangkan kepada semua orang. Jika Skor Pemandu jatuh di bawah ambang yang ditetapkan, kami mungkin akan mengeluarkan notifikasi atau permintaan kepada pemandu untuk, contohnya, mendapatkan panduan tambahan. Jika skor anda terus menurun, anda mungkin akan digantung sementara daripada mengakses platform Bolt. Anda boleh membuat rayuan terhadap sebarang keputusan penggantungan akaun anda. Untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang cara membuat rayuan keputusan penggantungan akaun anda, sila lihat Soalan Lazim kami mengenai Skor Pemandu di sini.

- Kami mungkin memproses semua data peribadi tentang anda untuk penubuhan, pelaksanaan atau pembelaan tuntutan undang-undang.
- Sila lihat tujuan tambahan di bawah kepentingan sah (lihat Klausula 3 di bawah).

3. Asas Undang-undang

Kami terutamanya menggunakan asas undang-undang berikut untuk memproses data peribadi pemandu:

- **Pelaksanaan Kontrak:** Data peribadi diproses untuk memenuhi kontrak yang telah ditandatangani dengan pemandu. Prasyarat untuk menggunakan perkhidmatan Bolt adalah pemrosesan data pengenalan dan data lokasi pemandu. Di samping itu, untuk menyediakan perkhidmatan kami kepada pemandu, kami memproses data am, data kenderaan, data penggunaan, data komunikasi.
- **Kepentingan Sah:** Data peribadi (tidak termasuk kategori khas data peribadi) boleh diproses berdasarkan kepentingan sah jika kami telah membuat penilaian kepentingan sah, termasuk untuk tujuan berikut:
 - Untuk menyiasat dan mengesan pembayaran yang mencurigakan, penipuan, dan aktiviti tidak sah atau berniat jahat lain dan/atau insiden keselamatan: data am, data pengenalan/pengesahan, data komunikasi, dan data penggunaan mungkin diproses;
 - membuat rakaman dan log: Bergantung pada lokasi anda, kami mungkin akan merakam mesej dan pesanan yang diberikan sama ada di premis kami dan/atau melalui alat komunikasi (e-mel, panggilan telefon kepada sokongan pelanggan dan pemandu, aplikasi Bolt, dll.), serta maklumat dan aktiviti lain yang telah kami lakukan. Jika perlu, kami menggunakan rakaman ini untuk penyiasatan, bukti dan perlindungan terhadap tuntutan, dan/atau untuk jaminan kualiti.
 - sebab-sebab teknikal dan keselamatan siber: contohnya, langkah-langkah untuk memerangi cetak rompak dan memastikan keselamatan perkhidmatan, laman web, Platform Bolt dan Aplikasi serta untuk membuat dan menyimpan salinan sandaran dan mencegah/membaiki isu teknikal (bergantung pada isu, semua data mungkin diproses); dan
 - menubuhkan, melaksanakan atau membela tuntutan undang-undang, termasuk: (i) menyokong penyiasatan dalaman kami sendiri; (ii) penyerahan hak tuntutan dan penggunaan agensi pengutip hutang; dan (iii) penggunaan penasihat undang-undang (bergantung kepada tuntutan semua data mungkin diproses).
- Bergantung pada keadaan tertentu, kami mungkin, dari semasa ke semasa bergantung pada **asas undang-undang alternatif** apabila lebih sesuai untuk berbuat demikian. Ini mungkin termasuk:
 - apabila perlu mematuhi kewajipan undang-undang seperti memproses data apabila

- undang-undang memerlukannya, termasuk, sebagai contoh, jika terdapat permintaan undang-undang yang sah untuk mendedahkan maklumat peribadi kepada pihak ketiga seperti Mahkamah atau pihak berkuasa pengawalseliaan;
- apabila perlu untuk melindungi kepentingan penting anda, atau orang lain, seperti dalam keadaan kecemasan atau ancaman terhadap nyawa yang bakal berlaku; dan/atau
- apabila anda telah memberikan kami persetujuan yang jelas untuk berbuat demikian bagi tujuan khusus lain yang telah dimaklumkan sepenuhnya kepada anda.

Sila ingat bahawa bergantung pada negara tempat tinggal anda, pendedahan dan perbezaan bidang kuasa tertentu mungkin dikenakan pada data peribadi anda yang diproses oleh Bolt seperti yang dinyatakan di atas (sila lihat Bahagian 8 '*Pendedahan Bidang Kuasa*' untuk mendapatkan maklumat lanjut):

- **Apabila data peribadi diproses untuk tujuan baharu** selain daripada tujuan asal data peribadi dikumpulkan dan pemprosesan tidak berdasarkan persetujuan subjek data, kami menilai dengan teliti kelayakan pemprosesan baharu tersebut. Kami akan, untuk memastikan sama ada pemprosesan bagi tujuan baru sesuai dengan tujuan asal pengumpulan data peribadi, mengambil kira, antara lain:
 - sebarang hubungan antara tujuan pengumpulan data peribadi dan tujuan pemprosesan selanjutnya yang dimaksudkan;
 - konteks di mana data peribadi dikumpul, khususnya mengenai hubungan antara anda dan kami;
 - sifat data peribadi, khususnya sama ada kategori khas data peribadi diproses atau sama ada data peribadi yang berkaitan dengan sabitan jenayah dan kesalahan diproses;
 - kemungkinan akibat daripada pemprosesan lanjut yang dirancang untuk anda; dan
 - kewujudan perlindungan yang sesuai, yang mungkin termasuk penyulitan atau pseudonimisasi.

4. Penerima

- Nama dan foto anda didedahkan kepada penumpang, apabila anda telah menerima pesanan mereka. Apabila anda telah menerima pesanan penumpang, penumpang akan melihat nama pemandu, kenderaan, nombor telefon, foto dan data geolokasi. Penumpang juga akan melihat data peribadi pemandu dalam resit.
- Bergantung pada lokasi pemandu, data peribadi mungkin didedahkan kepada anak syarikat tempatan Bolt, wakil, ahli gabungan, ejen, pemilik armada dll). Pemprosesan data peribadi akan berlaku di bawah syarat yang sama seperti yang ditetapkan dalam notis privasi ini.
- Kami mungkin mendedahkan maklumat di bawah perintah mahkamah atau apabila kami bekerjasama dengan pihak berkuasa pengawalseliaan perlindungan data dalam menangani aduan atau siasatan. Kami mungkin akan berkongsi data peribadi anda dengan pihak penguatkuasa undang-undang atau pihak berkuasa awam lain (seperti pihak berkuasa cukai), termasuk untuk memenuhi permintaan apabila maklumat tersebut diperlukan oleh undang-undang atau demi kepentingan awam. Dalam apa jua keadaan, kami akan sentiasa mengambil langkah untuk memastikan bahawa kami mempunyai asas undang-undang yang sah untuk berkongsi maklumat, dan kami akan memastikan bahawa kami mendokumentasikan keputusan kami.

5. Keselamatan dan akses

- Sebarang data peribadi yang dikumpul semasa menyediakan perkhidmatan dipindahkan ke dan disimpan di pusat data Zone Media LTD dan/atau Amazon Web Services, Inc., yang terletak di wilayah Negara Anggota Kesatuan Eropah. Hanya kakitangan yang diberi kuasa daripada syarikat-syarikat Kumpulan Bolt dan rakan kongsinya sahaja yang mempunyai akses kepada data peribadi, dan mereka hanya boleh mengakses data tersebut untuk tujuan menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan penggunaan perkhidmatan (termasuk pertikaian mengenai perkhidmatan pengangkutan).
- Sila lihat Bahagian 8 “*Pendedahan Bidang Kuasa*” untuk butiran tentang asas undang-undang yang kami gunakan di negara anda untuk pemindahan data peribadi anda.
- Syarikat kumpulan dan rakan kongsi Bolt boleh mengakses data peribadi setakat yang diperlukan untuk menyediakan sokongan pelanggan di negara masing-masing, lihat lebih lanjut <https://bolt.eu/cities/>.

6. Pemprosesan data peribadi penumpang

- Anda tidak boleh memproses data peribadi penumpang tanpa kebenaran kami. Anda tidak dibenarkan untuk menghubungi penumpang atau mengumpul, merekodkan, menyimpan, memberikan akses, menggunakan, atau menggabungkan data peribadi yang diberikan oleh penumpang atau yang boleh diakses oleh anda melalui aplikasi Bolt untuk sebarang tujuan selain daripada tujuan memenuhi perkhidmatan pengangkutan.
- Anda mesti mematuhi peraturan dan syarat untuk memproses data peribadi penumpang seperti yang dinyatakan dalam Notis Privasi untuk Penumpang (<http://www.bolt.eu/privacy/>). Jika anda melanggar keperluan untuk pemprosesan data peribadi penumpang, kami mungkin menamatkan akaun pemandu anda dan menuntut ganti rugi daripada anda.

7. Akses, pembetulan, penyimpanan, pemadaman dan kemudahalihan data

- Data peribadi boleh dilihat dan diperbetulkan dalam Portal Pemandu Bolt.
- Sebagai subjek data anda mempunyai hak berikut:
- Anda berhak untuk mengakses dan meminta salinan data peribadi anda.
- Anda berhak untuk meminta kami membetulkan sebarang maklumat yang tidak tepat. Anda boleh menukar data tertentu sendiri dalam Portal Pemandu Bolt.
- Anda berhak untuk meminta kami memadamkan data peribadi anda, di bawah syarat-syarat tertentu (cth., kami memproses data peribadi anda berdasarkan persetujuan anda). Data yang diproses berdasarkan kewajiban undang-undang atau di mana kami mempunyai kepentingan sah yang mengatasi mungkin tidak dapat dipadamkan atas permintaan.
- Anda berhak untuk meminta kami mengehadkan pemprosesan data peribadi anda, di bawah syarat-syarat tertentu (cth., kami memproses data peribadi anda berdasarkan persetujuan anda).
- Anda berhak untuk membantah pemprosesan data peribadi anda oleh kami, di bawah syarat-syarat tertentu (cth., kami memproses data peribadi anda berdasarkan kepentingan sah). Anda berhak untuk mengemukakan bantahan terhadap sebarang keputusan automatik yang telah kami buat dan meminta ia disemak semula oleh seorang individu.
- Anda mempunyai hak untuk meminta kami memindahkan data yang telah anda berikan

kepada kami kepada organisasi lain, atau secara langsung kepada anda, di bawah syarat-syarat tertentu. Ini hanya terpakai kepada maklumat yang anda berikan kepada kami.

- Jika kami memproses data peribadi anda berdasarkan persetujuan sebagai asas undang-undang, anda berhak untuk menarik balik persetujuan anda pada bila-bila masa (cth., dengan berhenti melanggan atau menggunakan kawalan privasi dalam portal Pemandu). Penarikan balik persetujuan anda tidak akan menjejaskan kesahihan pemprosesan yang telah dilakukan sebelum penarikan balik.
- Dalam keadaan di mana kami menggunakan pemprosesan automatik atau pemprofilan yang memberi kesan ketara kepada hak-hak anda, anda mungkin, dalam keadaan tertentu, mempunyai hak untuk membantah pemprosesan data peribadi anda berdasarkan keputusan automatik/pemprofilan dan meminta campur tangan manusia. Anda juga berhak untuk mendapatkan penjelasan tentang logik dalam keputusan automatik yang dibuat.
- Anda berhak untuk membuat aduan kepada pihak berkuasa jika anda percaya bahawa kami telah memproses data peribadi anda secara tidak sah atau tidak mematuhi kewajipan undang-undang kami. Anda juga mungkin mempunyai hak untuk mendapatkan remedi kehakiman - lihat Bahagian 8 notis privasi ini.
- Data peribadi anda akan disimpan selagi anda mempunyai akaun pemandu yang aktif. Jika akaun anda ditutup, maklumat peribadi anda akan disimpan untuk tempoh tambahan selama 3 tahun lagi.
- Data yang diperlukan untuk tujuan perakaunan hendaklah disimpan selama 7 tahun.
- Sekiranya terdapat siasatan rasmi terhadap kesalahan jenayah, penipuan atau maklumat palsu yang telah diberikan, data akan disimpan selagi diperlukan mengikut keperluan dalaman, undang-undang, dan peraturan.
- Sekiranya berlaku pertikaian, data akan disimpan sehingga tuntutan itu dipenuhi atau tarikh tamat tempoh tuntutan tersebut.
- Kami akan membalas permintaan untuk memadam dan memindahkan data peribadi yang dihantar melalui e-mel dalam tempoh sebulan, serta menyatakan tempoh pemadaman dan pemindahan data.
- Tempoh penyimpanan data untuk mesej segera dalam aplikasi Bolt adalah 90 hari, kecuali bagi kes yang melibatkan insiden yang dilaporkan - dalam kes tersebut, kami akan menyimpannya selama 6 bulan.
- Tempoh penyimpanan untuk data rakaman audio yang dijana melalui Ciri Rakaman Audio Perjalanan kami ialah:
- 24 jam, dan disimpan secara tempatan pada peranti individu yang menghasilkan rakaman. Rakaman akan dipadamkan secara automatik selepas 24 jam jika laporan kepada pasukan sokongan pelanggan Bolt tidak dibuat dan rakaman tidak dikongsi secara nyata dengan pasukan sokongan pelanggan Bolt sebagai sebahagian daripada laporan.
- Rakaman yang dikongsi dan disiasat oleh Bolt akan dipadamkan secara automatik selepas 7 hari kecuali jika tempoh penyimpanan dilanjutkan secara manual atas sebab penyiasatan/undang-undang.

- **8. Pendedahan Bidang Kuasa**

Bolt mungkin memilih atau dikehendaki oleh undang-undang untuk: (i) memberikan pendedahan yang berbeza atau tambahan mengenai amalan privasi data kami; dan/atau (ii) memproses data peribadi anda menggunakan asas undang-undang yang berbeza selain

daripada Kepentingan Sah, bergantung pada negeri atau negara kediaman anda.

Negara	Pendedahan	Asas Undang-undang Alternatif
Malaysia (MY)	• Bolt tidak bergantung pada Kepentingan Sah di Malaysia untuk memproses data peribadi anda. Bolt sebaliknya akan bergantung pada satu atau lebih asas Undang-undang Alternatif yang disenaraikan dalam jadual ini, bergantung pada keadaan. • Dengan memberikan persetujuan anda terhadap Notis Privasi Bolt, anda bersetuju untuk Bolt menghantar komunikasi pemasaran kepada anda. Anda boleh berhenti melanggan komunikasi ini pada bila-bila masa melalui Aplikasi Bolt. • Penyediaan Data Peribadi: Pemberian data peribadi anda adalah wajib. Jika anda tidak memberikan data peribadi anda, kami mungkin tidak dapat menyediakan perkhidmatan kami kepada anda. • Dengan memberikan persetujuan anda terhadap Notis Privasi Bolt, anda bersetuju untuk Bolt memindahkan (mengeksport) data peribadi anda dari Malaysia ke Syarikat-syarikat Kumpulan Bolt lain yang	Persetujuan Pelaksanaan Kontrak Pematuhan terhadap Kewajipan Undang-undang Kepentingan Vital

Negara	Pendedahan	Asas Undang-undang Alternatif
	terletak di negara lain. • Pertanyaan dan Aduan: Jika anda mempunyai sebarang soalan, kebimbangan atau aduan mengenai pematuhan kami terhadap Notis Privasi ini, atau jika anda ingin melaksanakan hak anda (termasuk untuk mengakses, membetulkan dan/atau mengehendkan pemprosesan data peribadi anda), anda boleh hubungi Pegawai Perlindungan Data Bolt dengan menghantar e-mel ke privacy@bolt.eu atau melalui telefon +44(0)7778908485. • Bahasa Notis Privasi ini: Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan versi bahasa lain Notis Privasi ini, versi Bahasa Inggeris akan diutamakan dan digunakan.	

9. Penyelesaian pertikaian

- Pertikaian yang berkaitan dengan pemprosesan data peribadi diselesaikan melalui sokongan pelanggan (info@bolt.eu) atau dengan menghubungi Pegawai Perlindungan Data Bolt (privacy@bolt.eu).
- Pihak berkuasa penyeliaan kami ialah Estonian Data Protection Inspectorate www.aki.ee) yang boleh dihubungi melalui e-mel info@aki.ee.

10. Menjadikan notis ini lebih baik

Kami berharap anda mendapati notis privasi ini mudah difahami.

Undang-undang perlindungan data adalah penting kerana ia memperkukuhkan peraturan dan meningkatkan hak terhadap maklumat anda. Banyak peraturan ini mungkin kelihatan rumit, tetapi kebanyakannya berasaskan akal yang logik. Kami mengambil tanggungjawab kami terhadap data anda dengan serius. Bolt akan terus membuat perubahan pada notis privasi ini

sebagai sebahagian daripada komitmen kami untuk melindungi privasi anda dan memberikan anda lebih banyak ketelusan.